TEKNIK BACAAN KWLH

TAJUK: PENGERANG MEMBANGUN BERSAMA PICC

K (Tahu)	W (Ingin tahu)	L (dipelajari)	H (Cara mendapatkan maklumat lain)

Membaca

Pengerang Membangun Bersama PIPC

Aktiviti

1. Sebelum membaca, senaraikan maklumat yang telah dan ingin anda ketahui tentang daerah Pengerang dan pembangunannya. Kemudian, baca secara intensif bahan tentang PIPC dan senaraikan maklumat baharu yang anda peroleh.
2. Untuk mencari maklumat lain, rujuk sumber yang boleh dipercayai.

TEMA 17

Era Baharu Industri

Sejak tahun 2012, daerah kecil Pengerang, Johor mula berubah wajah kerana pembangunan Kompleks Petroleum Bersepadu Pengerang yang juga dikenali sebagai *Pengerang Integrated Petroleum Complex* (PIPC) yang berkeluasan kira-kira 8000 hektar. Daripada sebuah kawasan pertanian, daerah Pengerang telah berubah menjadi sebuah kawasan industri hiliran minyak dan gas bertaraf antarabangsa. Apabila pembangunannya siap sepenuhnya, PIPC akan menempatkan loji penapisan minyak, loji pemprosesan bahan petrokimia, tangki-tangki penyimpanan minyak, dermaga air dalam untuk tujuan penghantaran dan pengambilan minyak, dan kilang-kilang pembuatan barangan berasaskan petrokimia.

Limpahan daripada pembangunan PIPC ini telah banyak membuka peluang perniagaan kepada usahawan tempatan sebagai pembekal barangan dan perkhidmatan langsung kepada syarikat-syarikat industri hiliran minyak dan gas. Usahawan tempatan juga turut terlibat dalam penyediaan perkhidmatan sokongan seperti pengangkutan, penyajian makanan, perniagaan runcit, dan lain-lain. Pada masa yang sama, peluang pekerjaan profesional dan berkemahiran tinggi terbuka luas untuk rakyat Malaysia. Jalan raya yang menghubungkan Pengerang dengan Bandar Penawar sedang dinaik taraf agar lebih besar dan selamat. Sementara itu, sekolah, balai polis, klinik kesihatan, balai bomba, dan lebuh raya baharu yang bakal dibina di dalam kawasan PIPC akan menawarkan tahap perkhidmatan dan kemudahan awam yang lebih baik kepada penduduk setempat.

Petroliam Nasional Berhad (Petronas) sedang membangunkan Kompleks Bersepadu Pengerang yang akan menempatkan loji penapisan minyak dan kompleks memproses bahan petrokimia. Loji penapisan minyak ini dijadualkan siap dibina dan mula beroperasi pada suku tahun pertama 2019. Loji ini dijangka mampu menapis sehingga 300 000 tong minyak sehari.

Terminal Laut Dalam Pengerang yang mengandungi dermaga air dalam serta tangki-tangki penyimpanan minyak dengan kapasiti muatan sehingga 1.3 juta meter padu telah dibangunkan.

LIVEWORKSHEETS